



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (07)

Tarikh: 22 Mac 2019

## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PELANCARAN LOGO MKAA DAN MODUL KESEDARAN ASAS KESELAMATAN DI AIR SEMPERA MESYUARAT MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR (MKAA)**

PUTRAJAYA, 22 Mac 2019 – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah melancarkan logo Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) dan Modul Kesedaran Asas Keselamatan di Air bersempena dengan Mesyuarat Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) bilangan 1/2019.

Pelancaran logo MKAA merupakan satu inisiatif untuk memberi kesedaran awam berhubung penubuhan dan peranan Majlis ini dalam menyampaikan mesej kesedaran dan kepentingan keselamatan di air. Modul Kesedaran Asas Keselamatan Air pula merupakan inisiatif untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah berhubung dengan keselamatan ketika menjalankan aktiviti di air dan ia terbahagi kepada dua iaitu :-

- Modul 1** : Modul yang dijalankan secara teori berhubung asas panduan dan langkah keselamatan di air. Ia dijalankan di setiap sekolah masing-masing
- Modul 2** : Modul lanjutan dari modul teori. Pendedahan secara praktikal mengenai asas Keselamatan di air. Ia dijalankan di kawasan yang mempunyai kolam.

Di peringkat permulaan, modul ini akan dilaksanakan di semua sekolah-sekolah di Putrajaya secara berperingkat dengan kerjasama strategik antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Perbadanan Putrajaya (PPj). Modul ini akan dikembangkan ke negeri-negeri lain pada masa akan datang.

Bagi tujuan mengenal pasti mekanisma pelaksanaan program ini, dua buah sekolah iaitu SMKA Presint 11 dan SK Presint 11(3) telah dipilih sebagai sekolah rintis dan Kompleks Kejiranan Presint 11 akan dijadikan tempat untuk latihan praktikal. Modul ini akan dilaksanakan dengan bantuan dan bimbingan Anggota Pasukan Penyelamat di Air (PPDA), JBPM. Semua pelajar yang telah lengkap menjalani kedua-dua modul akan diberikan penilaian dalam kokurikulum sekolah dan diberikan sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Mesyuarat pada hari ini telah bersetuju agar tindakan *quick wins* dilaksanakan dengan segera sebagai satu langkah untuk menangani isu kelemasan di badan air dalam masa terdekat. Antara langkah pendekatan *quick wins* yang dipersetujui adalah seperti:

- Membuat hebahan umum berhubung semua kawasan/lokasi **Berisiko Tinggi** dengan segera supaya langkah berwaspada boleh diambil ketika berada di lokasi badan air/rekreasi.
- Menguatkuasakan penggunaan Papan Tanda di kawasan berisiko tinggi sebagai Panduan Keselamatan di lokasi Badan Air/Rekreasi. Tindakan segera bagi menggantikan papan tanda keselamatan yang sudah uzur juga akan diambil tindakan oleh pihak PBT dan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab di kawasan/lokasi tersebut.
- Pihak PBT juga perlu memastikan kawalan keselamatan perlu dilakukan di kawasan badan air/rekreasi berisiko tinggi termasuk di kawasan empangan yang mempunyai *low head dam*.

Berdasarkan data kehadiran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sahaja (tidak melibatkan PDRM, Polis Marin, APM, APMM dan sebagainya) untuk kejadian insiden mati lemas di badan air/rekreasi adalah sebanyak **260 kes bagi tahun 2016, 327 kes bagi tahun 2017 dan 309 kes bagi tahun 2018**.

Bagi tahun 2018, 182 insiden telah dilaporkan berlaku di kawasan sungai/tali air, 58 insiden di kawasan pantai, 39 insiden telah berlaku di kawasan tasik/lombong dan 27 insiden di kawasan air terjun.

Kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga turut telah mengenal pasti sebanyak **15 Kawasan/Lokasi 'hotspots'** yang telah dikategorikan sebagai **KAWASAN BERISIKO TINGGI** berdasarkan data kejadian insiden mati lemas (2016-2018) yang melebihi dari 5 mangsa. (kawasan 'hotspots' yang dimaksudkan adalah seperti dilampiran).

Sempena dengan cuti sekolah yang bermula hari ini dan esok, KPKT telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mengawasi kawasan yang telah dikategorikan sebagai **Kawasan Berisiko Tinggi** bagi tujuan kawalan keselamatan sepanjang cuti persekolahan di mana didapati kes mati lemas kerap berlaku.

Selain itu, orang ramai terutama ibu bapa dimohon untuk mengawasi pergerakan anak-anak mereka ke tempat rekreasi/badan air dan patuh kepada papan tanda **Amaran Bahaya** dan **Arahan Tips/Panduan Keselamatan Air** di lokasi/kawasan badan air berisiko tinggi.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh :           Unit Komunikasi Korporat  
   b.p. Ketua Setiausaha  
   Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :                       03-8891 5555  
 Faks :                           03-8891 5557  
 E-mel :                         media.ukk@kpkt.gov.my

## LAMPIRAN

### KAWASAN BERISIKO TINGGI (15 LOKASI/KAWASAN)

(i) Sungai

<b>Bil.</b>	<b>Nama Lokasi/Kawasan Badan Air</b>	<b>Jumlah Mangsa</b>
1.	Sungai Kg. Batu Payung, Tawau, Sabah	15
2.	Sungai SKC Kg. Timah, Sungai Tinggi, Selangor	7
3.	Sungai Kg. Sabak, Pengkalan Chepa, Kelantan	6
4.	Sungai Chiling, Kuala Kubu Bharu, Selangor	6
5.	Sungai Gasi, Sungai Buloh, Selangor	5

(ii) Air Terjun

<b>Bil.</b>	<b>Nama Lokasi/Kawasan Badan Air</b>	<b>Jumlah Mangsa</b>
6.	Air Terjun Sungai Sendat, Ulu Yam, Selangor	12
7.	Air Terjun Lata Berembun, Raub, Pahang	10
8.	Air Terjun Chamang, Bentong, Pahang	5
9.	Air Terjun Sekayu, Terengganu	11

(iii) Pantai

<b>Bil.</b>	<b>Nama Lokasi/Kawasan Badan Air</b>	<b>Jumlah Mangsa</b>
10.	Pantai Nipah, Bachok, Kelantan	14
11.	Muara Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan	7
12.	Teluk Bahang, Batu Ferringhi, Pulau Pinang	7

(iv) Tasik/Lombong/Empangan

<b>Bil.</b>	<b>Nama Lokasi/Kawasan Badan Air</b>	<b>Jumlah Mangsa</b>
13.	Empangan Semenyih, Semenyih, Selangor	10
14.	Jambatan Stesen KTM Sungai Buloh, Selangor	5
15.	Empangan Taman Putra Perdana, Puchong	10